




Renungan:



Rasulullah s.a.w bersabda yang maksudnya: "Jadikanlah dirimu orang alim (berilmu) atau orang yang menuntut ilmu atau orang yang selalu mendengar pengajaran atau orang yang mencintai tiga golongan yang tersebut dan janganlah engkau menjadi dari golongan yang kelima, yang dengan sebabnya engkau akan binasa."
 Riwayat al-Bazzar

Sebarang komen atau sumbangan berbentuk artikel dan hasil penulisan boleh berhubung terus dengan saudara Nafis (nerf.is@yahoo.com) dan saudara Nasrul (karomah_insaniah@yahoo.com). Kerjasama dan bantuan anda didahului dengan ucapan terima kasih. Jazakallah....



31 Ogos 2007 menerjah lagi. Kali ini lebih bermakna kerana negara kita, Malaysia yang tercinta telah merdeka genap 50 tahun atau setengah abad. Satu tempoh yang boleh dikira panjang dan telah melewati usia matang seorang manusia. Sebagai warganegara yang tinggal di perantauan, kemerdekaan ini tidak harus dilupakan dan sewajarnya kita syukuri dengan nikmat yang dikecapi. Tanpa nikmat kemerdekaan, mungkin kita masih lagi ditakuk lama yang terkongkong dan mustahil berpeluang untuk memajukan diri di bumi asing ini.

Dalam konteks kita sebagai muslim, kesyukuran ini hendaklah kita landaskan kepada ALLAH SWT. Setiap detik dan saat sejak kita dilahirkan hinggalah dewasa ini, kita tidak putus dengan dikurniakan nikmat. Lantaran ianya berlaku saban masa dan menjadi sesuatu yang lumrah, lantas kita tidak perasan dan menghiraukannya. Kita seolah-olah terlupe bahawa ia adalah hadiah dan kurniaan ALLAH kepada kita. Begitulah perangai kita yang tak ubah seperti kacang lupakan kulit.

Sesuai nasi yang kita makan, setiap teguk air yang kita minum, setiap zarah udara yang kita sedut bahkan setiap pandangan yang kita lihat adalah kurniaan Allah. Tanpa kurniaan ini, kita tidak dapat mengenyah makanan atau meneguk minuman atau menyedut udara di sekeliling kita. Selagi kita hidup di mukabumi ini kita tidak sunyi dari menerima kurniaan ini. Begitulah penyayangannya ALLAH yang bersifat dengan Ar-RAHMAN.

MERDEKA!!! MERDEKA!!! MERDEKA!!!

menganugerahkan kurniaanNya kepada semua makhluk, sama ada yang taat kepadanya atau sebaliknya. Maka mengapa kita mesti mendustakan kurniaan ini? ALLAH masih sayang kepada hamba-hambanya meskipun terlupe ramai yang tidak bersyukur di atas nikmat-nikmat itu. Dalam Surah Ar-Rahman terdapat 31 kali ayat yang berulang membawa maksud; "Yang mana satu di antara nikmat Tuhan yang kamu dustakan?". Ayat tersebut sebagai amaran dan ingatan kepada kita supaya menilai semula sejauh mana kesyukuran kita terhadap nikmatNya.



Sebagai makhluk Allah, kita sewajibnya berasa prihatin atas kurniaan ini lalu bersyukur atas segala nikmat tersebut. Rakaman kesyukuran bu k a n l a h s e t a k a t mengucapkan 'alhamdulillah'. Ianya mesti dibuktikan dengan tindakan berdasarkan prinsip 'amal makruf, nahi munkar' atau buat yang disuruh dan tinggalkan yang dilarang. Ini dilakukan setiap masa, istiqamah dan terus-menerus.

Malangnya terdapat ramai manusia yang lupa daratan dan lupa akan segala kurniaan ALLAH. Ramai yang tidak mendirikan solat dan segala amalan yang disuruh. Sebaliknya ramai pula yang ingkar dan menentang suruhannya dengan melakukan pelbagai jenis kemaksiatan.

Kesimpulannya, sebagai menunjukkan rasa berterima kasih kita kepada ALLAH, kita hendaklah sentiasa mengabdikan diri kepada ALLAH dengan segala bentuk amalan ibadat di samping kita meninggalkan kerja-kerja maksiat. Kemerdekaan yang kita nikmati kini harus diselitkan dengan rasa syukur pada setiap waktu dan ketika, bukan hanya dizahirkan pada hari kemerdekaan atau sambutan bulan kemerdekaan semata-mata. Semoga kita termasuk dalam golongan hamba-hambanya yang bersyukur.



ERTI SEBUAH KESYUKURAN

Al-hamdulillah kita panjatkan kesyukuran kita kepada Allah s.w.t. yang telah mengurniakan kemerdekaan kepada negara kita sejak 50 tahun yang lalu. Pada hari ini kita telah menikmati berbagai-bagai kemudahan dan nikmat yang tidak terhitung banyaknya daripada Allah s.w.t.

Pada tahun ini, sempena sambutan ulang tahun kemerdekaan negara kita yang ke 50 tahun, kita sepatutnya meningkatkan tahap kesyukuran kita kepada Allah s.w.t. Kesyukuran yang kita panjatkan kehadrat ilahi bukanlah sekadar ucapan yang terluah dibibir mulut kita sahaja, bahkan ianya perlu lebih daripada itu, dengan kita mengikut segala suruhan Allah dan meninggalkan segala perkara yang haram yang dilarang oleh Allah s.w.t. dalam kita menjalani kehidupan seharian.

Sejarah telah membuktikan kepada kita bahawa berapa banyak umat terdahulu yang telah dihancurkan oleh Allah s.w.t. sebelum kedatangan Islam disebabkan oleh kekufuran mereka, membuat kerosakan di atas bumi Allah dan tidak ada rasa syukur kepada Allah s.w.t atas nikmat-nikmat yang telah dianugerahkan oleh Allah kepada mereka. Cuba sama-sama kita renungkan Firman Allah s.w.t. dalam Surah Al-Baqarah, ayat: 60 yang bermaksud:

"Dan (ingatlah) ketika Nabi Musa memohon supaya diberi air untuk kaumnya, maka Kami berfirman: "Pukulah batu itu Dengan tongkatmu", (ia pun memukulnya), lalu terpancutlah dari batu itu dua belas mata air; Sesungguhnya tiap-tiap satu puak (di antara mereka) telah mengetahui tempat minumnya masing-masing. (dan Kami berfirman): "Makanlah dan minumlah kamu dari rezeki Allah itu, dan janganlah kamu merobahkan bencana kerosakan di muka bumi".

Allah s.w.t. telah menceritakan kepada kita sebuah kisah yang menarik dan menjadi pengajaran kepada kita semua. Kisah bagaimana kaum Nabi Musa a.s. iaitu Kaum Yahudi yang sentiasa mempunyai sikap tidak berpuas hati dengan apa yang dibuat oleh pemimpin mereka iaitu Nabi Musa a.s. Dalam ayat ini, Allah s.w.t. menceritakan bagaimana Nabi Musa a.s. diperintahkan oleh Allah s.w.t. supaya memukul batu dengan tongkatnya, "Pukulah Batu Itu", maka setelah dipukul dengan tongkatnya terpancarlah dua belas mata air yang bersih lagi lazat. Kaum Nabi Musa a.s. dapat minum air tersebut mengikut puak atau kumpulan masing-masing dan mereka minta pula makanan. Dengan berkat doa Nabi Musa, maka Allah s.w.t. telah menurunkan makanan yang lazat yang terkenal dengan nama "Manna Wa Salwa" Lalu Allah s.w.t. perintah kepada mereka "Makanlah dan minumlah wahai kaum Nabi Musa daripada rezeki yang Allah kurniakan, tetapi jangan sekali-kali kamu membuat angkara atau kamu melakukan kerosakan di atas muka bumi ini."

"Tut..tut, tut..tut".

"Oh, bahagia rasanya. Apakah perasaan ini? Adakah ini yang dinamakan cinta?"

Telefon bimbit bernada lagi. Nada SMS yang sering membuatkan aku berdebar. Berdebar menanti apakah isi kandungannya kali ini?

"Salam, awak apa khabar? Bangun subuh tak tadi?"


"Alhamdulillah,terima kasih sebab awak miss call tadi terus jaga solat subuh :)"



Oh, bahagia rasanya. Apakah perasaan ini? Adakah ini yang dinamakan cinta? Ya Allah! Kenapa begini hebatnya ujian dan dugaan hati yang telah Kau berikan padaku. Oh! Tak sanggup aku nak memikulknya.

Tapi bukankah Islam melarang se-

Sambung di keluaran akan datang



Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: "Sesungguhnya apabila manusia melihat manusia lain melakukan kezaliman lalu dia tidak melarangnya, maka dikhuatiri Allah akan menimpakan azab-Nya secara umum tanpa ada yang terse-lamat sama ada yang me-lakukan kezaliman atau yang melihatnya tanpa mencegahnya".

Abu Daud dan at-Tirmidzi